

Tarikh Dibaca: 08 Januari 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“VAPE; ALAT YANG MEMBINASAKAN”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR
2015-2017**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



“VAPE; ALAT YANG MEMBINASAKAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا
بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ



أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru muslimin yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah



SWT dengan mematuhi dan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi setiap larangan-Nya. Semoga kita sentiasa berada dilandaskan akidah yang betul dan tidak terpaut dengan golongan yang sesat lagi menyesatkan.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk **"VAPE; ALAT YANG MEMBINASAKAN"**.

Hadirin Jumaat sekalian,

Baru-baru ini tercetus polemik yang menjadi perdebatan berhubung fenomena menghisap vape yang dikatakan menjadi alternatif baharu rokok dan dianggap sebagai trend semasa kepada kebanyakan lapisan masyarakat di Malaysia.

Vape adalah sejenis alat yang dihisap dan akan mengeluarkan wap daripada cecair nikotin yang disimpan didalamnya. Terdapat empat komponen utama dalam vape iaitu pertama; tank atau tanki iaitu tempat penyimpanan cecair (liquid) yang akan menghasilkan wap apabila disedut dan dihembus. Kedua; atomizer berfungsi seperti "dapur" yang akan memanaskan e-liquid sehingga ia menghasilkan wap. Ketiga; liquid atau cecair yang akan menghasilkan wap yang disedut dan dihembus oleh penghisap vape iaitu vapour dan keempat; mod yang merupakan tempat simpanan bateri dan sumber tenaga vape.

Sebelum kemunculan vape, rokok merupakan pilihan utama pelbagai lapisan masyarakat sehingga ke hari ini. Kemudian muncul pula Shisha, sejenis alat yang digunakan untuk mengeluarkan asap menggunakan penuras air dan haba secara tidak langsung. Rokok dan Shisha telah



difatwakan haram oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan kebanyakan negeri di Malaysia.

Setiap hari ramai pesakit ke hospital untuk mendapatkan rawatan bagi 3 jenis penyakit utama yang berpunca daripada tabiat merokok iaitu jantung, kanser paru-paru dan paru-paru kronik. Pada tahun 2010 sahaja kos rawatan bagi menangani penyakit-penyakit tersebut sebanyak RM2.9 bilion, berbanding hasil cukai rokok sebanyak RM2 bilion sahaja. Sudah pasti kos tersebut akan meningkat dari tahun ke tahun dengan bertambahnya bilangan kes. Adakah kita mahu menambah satu lagi masalah dengan kemunculan vape pula?

Sidang Jumaat sekalian,

Hasil daripada kajian yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan maklumat daripada jurnal-jurnal perubatan, telah mengaitkan vape dengan penagihan nikotin, penyalahgunaan alat vape untuk menghisap dadah serta kesan jangka panjang vape yang mengandungi formaldehyde yang merupakan agen karsinogenik yang boleh mengakibatkan kanser.

Menurut Pakar Perubatan dan Pernafasan di Pusat Perubatan Prince Court, dakwaan yang mengatakan asap yang terhasil dari rokok elektronik adalah cecair biasa dan bukannya nikotin adalah salah sama sekali. Hakikatnya, rokok elektronik mempunyai nikotin yang boleh meningkatkan kadar denyutan nadi dan pengaliran hormone 'adrenalin' serta melembapkan system urat saraf. Selain itu, nikotin juga mengakibatkan denyutan nadi yang luar biasa, penyempitan sauran nadi, peningkatan tekanan darah, serangan jantung, angin ahmar, ulser perut dan usus serta mati pucuk.



Pendedahan terbaru di beberapa buah akhbar tempatan susulan penemuan bahan kimia dalam cecair perisa dikenali sebagai Diacetyl yang boleh menyebabkan pengguna vape mengalami masalah pernafasan yang serius dan penyakit "Popcorn Lung" atau "paru-paru Bertih Jagung". Melalui kajian, Diacetyl didapati lebih 75% dalam e-rokok berperisa yang kerap digunakan golongan muda. Ternyata ia perisa yang membinasa.

Apa yang dibimbangi ialah kebanyakan orang yang membeli e-rokok ini, tidak mengetahui kandungannya, siapa pembuatnya dan apa yang dimasukkan ke dalamnya seperti syabu, ganja, dadah dan mungkin perisa-perisa yang berbahaya. Lebih membimbangkan apabila penjual membancuh sendiri cecair mengikut permintaan pelanggan tanpa mengetahui isi kandungan dan sukatanya.

Pada 10 Disember 2015, akhbar tempatan melaporkan polis telah melancarkan tiga serbuan di Bandar Mahkota Banting, sebuah kondominium di Ampang dan Kelana Jaya serta melumpuhkan satu sindiket yang aktif menghasilkan cecair ganja untuk disalahgunakan oleh pengguna vape.

Hadirin Jumaat sekalian,

Vape tidak sekali-kali membantu perokok tegar untuk berhenti merokok, bahkan dibimbangi penggunaannya akan menimbulkan masalah yang lebih serius seperti penagihan dadah. Disebabkan warna dan kepelbagaian rasa yang ditawarkan, vape juga boleh membuka ruang serta menarik golongan bukan perokok khususnya anak-anak untuk mencubanya.

Vape juga boleh mengancam nyawa pengguna dan orang lain. Ini terbukti pada 10 November 2015 sebuah akhbar tempatan melaporkan



seorang pengguna vape di Gopeng terpaksa menerima jahitan di bibir selepas alat itu meletup ketika hendak disedut.

Pada 25 Oktober 2015, sebuah akhbar tempatan melaporkan detik cemas penumpang dan krew penerbangan Malindo Air selepas bateri vape atau rokok elektronik milik seorang penumpang terbakar secara tiba-tiba ketika dalam penerbangan dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur.

Justeru ingatlah bahawa Allah telah memberikan amaran dalam al-Quran sepertimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 195:

... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ

اللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

"... dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya".

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Berdasarkan kepada penggunaan vape yang didapati berbahaya dan boleh mengancam nyawa, membazir dan memudaratkan kesihatan, maka jelaslah ia mendatangkan banyak kemudharatan dan wajib ditinggalkan.

Hadis daripada Amru Bin Yahya RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:



لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

"Tidak boleh memudaratkan (diri sendiri) dan memberi kemudatan (kepada orang lain).

(Riwayat Imam Ahmad).

Apabila seseorang itu terdedah kepada bahaya dan mudarat, maka tindakan pencegahan perlu diambil bagi menutup segala ruang yang boleh menjuruskan seseorang itu ke lembah kebinasaan. Ini bertepatan dengan kaedah Usul Fiqh bahawa menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, mimbar Jumaat ingin menyeru dan merayu bahawa;

1. Marilah kita menjaga dan memelihara diri daripada kebinasaan dan kehancuran yang dipengaruhi oleh nafsu yang pada zahirnya mempamerkan gaya hidup moden, padahal ia didorongi oleh bisikan syaitan yang menyesatkan sehingga dilalaikan hati kita daripada mengingati Allah.
2. Ibumama hendaklah melarang anak-anak supaya tidak mengambil vape, rokok, dadah dan lain-lain yang seumpamanya kerana kemudaratannya mendatangkan penyakit yang lebih buruk.
3. Pengusaha vape hendaklah meninggalkan perniagaan tersebut walaupun ianya mendatangkan keuntungan yang lumayan.
4. Pihak berkuasa hendaklah bertegas dengan tidak memberikan lesen perniagaan dan mencegah serta mengharamkan sepenuhnya



penggunaan vape walaupun ianya memberikan keuntungan kepada sesetengah pihak.

Sedarlah bahawa musuh-musuh Islam sentiasa mencari ruang dan peluang untuk melemahkan iman umat Islam supaya mengikuti jejak langkah mereka. Mudah-mudahan Allah SWT sentiasa memberi perlindungan dan penjagaan dengan limpah rahmatnya serta berkat syafaat Nabi Muhammad SAW.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ ^ص فَلَا
تُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ

"Mereka itulah orang-orang yang membeli (mengutamakan) kehidupan dunia (dan kesenangannya) dengan (meninggalkan perintah-perintah Allah yang membawa kebahagiaan dalam kehidupan) akhirat; maka tidak akan diringankan azab seksa mereka (pada hari kiamat), dan mereka pula tidak akan diberikan pertolongan".

(Surah al-Baqarah : 86).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.



Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ



اللَّهُ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَيَّ
نَعْمَهُ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.